

UTUSAN MALAYSIA- 24 MAC 2011

Sistem kewangan kita kekal stabil

KUALA LUMPUR 23 Mac - Sistem kewangan negara terus kekal stabil pada 2010, membolehkan sektor kewangan menyediakan sokongan penting kepada ekonomi, meskipun dalam keadaan sepanjang tahun.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, sektor kewangan disokong oleh asas-asas yang kukuh, termasuk penampunan kewangan yang teguh, kualiti aset yang tinggi dan pengurusan risiko yang mantap.

Menurut beliau, kemantapan sektor kewangan bukan sahaja menyumbang kepada fungsi proses pengantaraan kewangan yang cekap, malah ia juga memastikan tindak balas yang teratur kepada kejutan terhadap sistem kewangan.

Tambahnya, penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun lalu telah mengukuhkan lagi tadbir urus dan tanggungjawab dalam pengurusan kestabilan kewangan.

Aktiviti penyeliaan sepanjang 2010 terus tertumpu kepada usaha mempertingkatkan keupayaan institusi kewangan untuk menjangka dan bertindak berikutan risiko yang timbul, dan memastikan risiko yang dikenal pasti terhadap institusi secara individu dan sistem kewangan secara keseluruhan diuruskan dengan baik.

"Tumpuan khusus diberikan terhadap usaha menggalakkan tadbir urus, ujian tekanan dan proses pengurusan modal yang lebih kukuh untuk memastikan institusi kewangan terus berdaya tahan di bawah pelbagai senario ekonomi dan kewangan.

"Ini dilengkapkan oleh penilaian piawaian berterusan yang mengambil kira perkembangan global dan juga dalam negeri serta memperkukuh pengawasannya berkaitan dengan aktiviti bukan bank yang semakin meningkat untuk memastikan risiko yang mungkin berlaku," katanya dalam perutusan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran.

Zeti berkata, biarpun hutang isi rumah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun ia terus disokong oleh penampunan kewangan yang kukuh pada peringkat agregat.

Untuk memastikan ia tidak menjadi penyebab ketidakstabilan kewangan, dasar yang menyeluruh telah diperkenalkan pada 2010 termasuk dalam sektor hartanah, langkah baharu kad kredit dan keperluan diperkukuh terhadap bank bagi melaksanakan amalan pinjaman yang berhemat dan bertanggungjawab.

Gabenor menambah, prestasi keseluruhan industri insurans positif, walaupun kekal mencabar dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, kos tuntutan meningkat dan pasaran kewangan tidak menentu.

Beliau berkata, dalam kewangan Islam pula, asas kestabilan kewangan juga diperkukuhkan dengan pelaksanaan piawaian berhemat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam bagi perbankan Islam dan sektor takaful.

Penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam bagi mempertimbangkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan Perbadanan Kecairan Islam Antarabangsa yang memulakan operasi awal tahun ini untuk membantu pengurusan mudah tunai merentas sempadan.

Dalam perutusan itu, Zeti berkata, melangkah ke hadapan tumpuan adalah mengukuhkan asas-asas itu bagi menyokong daya tahan berterusannya untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kejutan atau gangguan dalam sistem kewangan dan ekonomi.

"Pembangunan sistem kewangan selanjutnya juga meletakkan sektor kewangan dalam kedudukan menyokong transformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi dan berpendapatan tinggi secara berkesan, selain menggalakkan kerangkuman kewangan dan integrasi kewangan serantau.

"Pelan induk sektor kewangan baharu yang akan dikeluarkan BNM akan menggariskan strategi bagi mencapai objektif-objektif ini," katanya.

Zeti berkata, kemasukan peserta asing baharu di negara ini bukan sahaja akan meningkatkan keupayaan sektor kewangan dalam negeri untuk menyokong pembangunan industri pertumbuhan baharu, tetapi juga mempertingkat lagi hubungan antarabangsa Malaysia.

"Kerjasama dan penyelarasan penyeliaan lebih rapat di dalam negara serta merentas sempadan menjadi lebih penting bagi menyokong penyeliaan institusi kewangan yang berkesan dan pengurusan kestabilan kewangan secara menyeluruh," menurut beliau